

## AMALAN SIHIR ATAU ILMU HITAM



### ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008 PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 24

#### AMALAN SIHIR ATAU ILMU HITAM

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Subseksyen 23(3) dan 24(4), Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 Jawatankuasa Fatwa dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman dengan ini menyiarakan fatwa seperti dinyatakan dalam Jadual.

#### JADUAL

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 13 Disember 2020, inilah diputuskan fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut:

1. Perbuatan sihir adalah dosa besar dan boleh membawa kepada syirik dan hukum mempelajarinya adalah **haram**.
2. Pengamal sihir yang mendatangkan mudharat kepada manusia adalah berdosa besar dan pelaku jenayah, maka wajib dihukum qisas / hudud.
3. Pihak berkaitan hendaklah menyediakan peruntukan undang-undang bagi menghukum pengamal-pengamal yang sabit melakukan sihir.

*[(73) dlm.JMNK(F)603 Jld. 2; PUN(KD) 600-1/5/3(4)]*

*Tarikh Warta : 1 April 2021*

*Tarikh Keputusan : 13 Disember 2020*